

13/01/2000

Mirzan setuju selesai kes saman

Munira Yusoff

KUALA LUMPUR, Rabu - Ahli perniagaan, Mirzan Mahathir, hari ini bersetuju supaya tiga saman malu yang dikemukakan terhadap dua akhbar Cina, Sin Chew Jit Poh (SCJP) dan Guang Ming Daily (GMD), diselesaikan di luar mahkamah.

Bagaimanapun, jumlah ganti rugi yang dipersetujui tidak dimaklumkan kepada Mahkamah Tinggi dalam prosiding di hadapan Hakim Datuk Kamalanthan Ratnam.

Mirzan yang diwakili peguam Datuk V K Lingam dan R Thayalan, mengemukakan saman terhadap tiga defendan, Pemandangan Sinar Sdn Bhd selaku penerbit dan pencetak akbar SCJP, Ketua Pengarang Kumpulan SCJP, Liew Chen Chuan dan Ketua Pengarang SCJP, Lim You Soon.

Dalam saman kedua, beliau menamakan syarikat Pemandangan Sinar Sdn Bhd sebagai defendan manakala dalam saman ketiga, penerbit dan pencetak GMD, Guang-Ming Ribao Sdn Bhd serta Ketua Pengarang Kumpulan GMD, Liew Chen Chuan bersama Ketua Pengarang GMD, Yong Yoew Khoon dinamakan sebagai defendan. Peguam Datuk R R Sethu mewakili semua defendan.

Mirzan mengemukakan saman itu berhubung artikel yang diterbitkan di dua akhbar berkenaan yang didakwa memfitnahnya.

Artikel pertama, bertajuk "Concedes Too Dependant On Foreign Capital And Has To Rein In His Ambitions Mirzan Has A Real Business Plan" diterbitkan di muka surat tiga dalam akhbar SCJP keluaran 5 Januari tahun lalu.

Artikel kedua pula, bertajuk "Wall Street Journal: Mirzan Is Not Involved In Corruption Prosperity Secured Through Real Capability" diterbitkan di halaman A8 akhbar GMD pada tarikh yang sama.

Dalam satu kenyataan yang dibuat di mahkamah terbuka, pihak defendan memohon maaf kerana mengakui dua artikel itu menjejaskan nama baik plaintif dan syarikatnya.

Berikutan itu, pihak defendan bersetuju membayar ganti rugi kepada Mirzan dan berjanji menerbitkan kenyataan berkenaan serta gambar plaintif di muka hadapan akhbar SCJP dan GMD.

Selain itu, defendan turut berjanji tidak akan mengulang atau menerbitkan artikel berkenaan atau kata-kata yang membawa maksud yang sama dengannya.

(END)